

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

SOALAN NO. 477

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar aliran sains dan bilangan pelajar aliran sains sosial (atau sastera) yang mendapat PNGK 4.0 di peperiksaan STPM dari tahun 1990 hingga 2018, dengan pecahan setiap tahun. Nyatakan jumlah pelajar aliran sains dan aliran sains sosial (atau sastera) masing-masing.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 14 Mei 2019, jumlah keseluruhan murid Tingkatan Enam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah seramai 106,192 murid. Daripada jumlah tersebut, 91,609 merupakan pelajar aliran sains sosial dan 14,587 pelajar aliran sains. Sementara itu, bilangan pelajar aliran sains dan bilangan pelajar aliran sains sosial (atau sastera) yang mendapat PNGK 4.0 dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dari tahun 2012 hingga 2018 adalah seperti yang berikut.

NO. SOALAN: 477

BILANGAN CALON MENDAPAT PNGK 4.0			
TAHUN PEPERIKSAAN STPM	ALIRAN SAINS SOSIAL	ALIRAN SAINS	JUMLAH
2012	267	175	442
2013	294	247	541
2014	278	187	465
2015	265	149	414
2016	419	146	565
2017	376	110	486
2018	548	122	670

Manakala bilangan calon yang mendaftar dan menduduki peperiksaan STPM dari tahun 2012 hingga 2018 mengikut aliran adalah seperti di dalam jadual yang berikut.

TAHUN PEPERIKSAAN STPM	JUMLAH MENDUDUKI			JUMLAH MENDAFTAR		
	ALIRAN SAINS SOSIAL	ALIRAN SAINS	JUMLAH	ALIRAN SAINS SOSIAL	ALIRAN SAINS	JUMLAH
2012	43,700	7,997	51,697	46,361	8,284	54,645
2013	44,477	10,756	55,233	47,099	11,254	58,353
2014	35,659	7,209	42,868	40,904	7,680	48,584
2015	35,335	6,602	41,937	38,500	7,012	45,512
2016	37,055	6,201	43,256	40,538	6,561	47,099
2017	37,480	5,577	43,057	38,781	5,735	44,516
2018	38,267	4,587	42,854	39,579	4,710	44,289

RT62/477